

SULIT



JABATAN PELAJARAN NEGERI TERENGGANU

PEPERIKSAAN AKHIR TAHUN SPM 2011

1103/2

SIJIL PELAJARAN MALAYSIA

BAHASA MELAYU

TINGKATAN EMPAT

Kertas 2

OKTOBER

PERATURAN PEMARKAHAN

UNTUK KEGUNAAN GURU / PEMERIKSA SAHAJA

Kertas peraturan pemarkahan ini mengandungi 16 halaman bercetak

1103/2 (PP)

SULIT

SULIT

2

1103/2(PP)

Soalan 1 : Rumusan

Pendahuluan

Markah

Petikan membincangkan usaha-usaha / langkah-langkah / pendekatan yang diambil untuk mengurangkan masalah obesiti.

2

Isi Tersurat (4 – 12 markah) Cara-cara;

- | | |
|--|---|
| 1. mengamalkan corak hidup yang lebih sihat | 2 |
| 2. menjalankan pelbagai usaha dan kempen seperti Kempen Gaya Hidup Sihat | 2 |
| 3. makan makanan yang tidak memudaratkan badan | 2 |
| 4. mengamalkan senaman | 2 |
| 5. mengekalkan berat badan yang ideal | 2 |
| 6. minum air sebanyak 1.5 liter sehari | 2 |
| 7. pengambilan gula dikurangkan dalam hidangan harian | 2 |
| 8. menentukan murid sekolah tidak disediakan makanan yang tidak sihat ketika berada di sekolah | 2 |
| 9. Semua kantin sekolah kini dilarang menjual makanan yang dilabelkan sebagai makanan 'junk' atau makanan ringan | 2 |

Isi Tersirat (4 – 12 markah) Kesan;

- | | |
|---|---|
| 1. masalah kesihatan / serangan penyakit | 2 |
| 2. gangguan emosi / rendah diri | 2 |
| 3. masalah pergerakan | 2 |
| 4. sukar untuk mengurus diri | 2 |
| 5. sukar menyesuaikan saiz badan dengan pakaian | 2 |

*Terima isi tersirat lain yang sesuai

Kesimpulan

- | | |
|---|---|
| 1. Kesedaran ahli masyarakat / orang ramai perlu dalam menangani masalah obesiti supaya dapat mewujudkan masyarakat yang sejahtera. | 2 |
| 2. Rakyat perlu memberi kerjasama dalam usaha untuk menangani masalah obesiti oleh pihak berkuasa demi melahirkan generasi Malaysia yang sihat. | 2 |

1103/2(PP)

[Lihat halaman sebelah
SULIT

SULIT

3

1103/2(PP)

Soalan 2

Markah penuh 35 markah dibahagikan kepada:

Soalan 2(a) : 9 markah

Soalan 2(b) : 9 markah

Soalan 2(c) : 8 markah

Soalan 2(d) : 9 markah

Perhatian bagi soalan 2(a) hingga Soalan 2(d)

1. Jawapan hendaklah menggunakan ayat sendiri.
2. Jawapan hendaklah dalam ayat yang lengkap/sepurna.
3. Jika disalin bulat-bulat daripada teks dan jawapan itu betul, berikan separuh (50%) daripada markah yang diperuntukkan sahaja.

Panduan Pemarkahan Soalan Pemahaman

1. Soalan 2 markah:

| DESKRIPSI | MARKAH |
|--|--------|
| - Jawapan tepat mengikut konteks/isi cukup dan ayat gramatis | 2 |
| - Jawapan kurang tepat/isi tidak cukup | 1 |
| - Jawapan tidak tepat/salah | 0 |

2. Soalan 3 markah:

| DESKRIPSI | MARKAH |
|--|--------|
| - Isi cukup dan lengkap/relevan dengan tugas dan ayat gramatis | 3 |
| - Isi cukup dan lengkap/relevan tetapi ayat kurang gramatis | 2 |
| - Isi tidak cukup/kurang lengkap tetapi ayat gramatis | 1 |
| - Isi tidak cukup/kurang lengkap dan ayat kurang gramatis | 1 |
| - Isi tidak betul/tidak relevan dengan tugas, ayat gramatis | 0 |

3. Soalan 4 markah:

| DESKRIPSI | MARKAH |
|--|--------|
| - Isi cukup dan lengkap/relevan dengan tugas dan ayat gramatis | 4 |
| - Isi cukup dan lengkap/relevan tetapi ayat kurang gramatis | 3 |
| - Isi tidak cukup/kurang lengkap tetapi ayat masih gramatis | 2 |
| - Isi tidak cukup/kurang lengkap dan ayat kurang gramatis | 1 |
| - Isi tidak betul/tidak relevan dengan tugas, ayat gramatis | 0 |

1103/2(PP)

[Lihat halaman sebelah
SULIT

SULIT

4

1103/2(PP)

Soalan 2 : Pemahaman

[35 markah]

Soalan 2(a) - Petikan Umum

- (i) Maksud *memudaratkan badan* ialah;
- memberi kesan buruk / tidak baik / kepada tubuh 2
- (ii) Keburukan makanan ringan ialah;
- makanan yang tidak sihat 1
 - boleh menjejaskan minda murid-murid 1
 - menyebabkan mereka kurang bermaya 1
 - murid mudah letih 1
 - murid tidur di dalam kelas 1
- [Maksimum 3 markah]
- (iii) Cara;
- menyediakan peraturan khas berkaitan jenis makanan yang boleh dijual 1
 - pihak sekolah sentiasa membuat pemantauan 1
 - Jabatan Kesihatan membuat pemeriksaan secara berkala 1
 - Jabatan Kesihatan membuat pemeriksaan secara mengejut 1
 - mengenakan denda / kompaun bagi yang tidak patuh 1

(Terima isi lain yang sesuai)

[Maksimum 4 markah]

Soalan 2 (b) Skema Jawapan:

- (i) Perwatakan Mohamad Zaman;
- Seorang yang meminati kajian sejarah.
 - Seorang yang keras hati dan keras kepala.
 - Seorang yang suka menentang cakap / pendapat orang lain.
 - Seorang yang berperawakan sama seperti arwah bapanya.
- [3 markah]
- (ii) Faedah mempelajari mata pelajaran sejarah:
- Dapat mengeratkan hidup rakyat yang berbilang kaum.
 - Dapat mengenali tokoh yang melakar sejarah tanah air.
 - Dapat menambahkan pengetahuan / maklumat.
 - Dapat menyedarkan generasi muda tentang kepentingan mengekalkan kemerdekaan negara.
 - Dapat menyedarkan generasi muda tentang jasa dan pengorbanan pejuang kemerdekaan yang terdahulu.
- [3 markah]

* (Terima mana-mana isi/pendapat yang sesuai)

[Lihat halaman sebelah

SULIT

1103/2(PP)

SULIT

5

1103/2(PP)

(iii) Satu Persoalan daripada petikan drama:

- Persoalan kepentingan pendidikan untuk mengubah nasib diri dan keluarga. Buktinya, Prof. Peter menjadi pensyarah kepada Mohamad Zaman.
- Persoalan menghormati tetamu. Buktinya, Mak Jah menghormati Prof. Peter yang mengunjungi rumahnya.
- Persoalan kemesraan layanan dan sopan santun dalam budaya Melayu. Buktinya, Mak Jah melayani kunjungan Prof. Peter dengan begitu baik dan mesra.

Dua Persoalan daripada keseluruhan drama:

- Persoalan kasih sayang antara sesama insan tanpa mengira keturunan. Buktinya, Mak Jah amat menyayangi Cempaka walaupun Cempaka bukanlah anak kandungnya.
- Persoalan kebencian masyarakat tempatan terhadap penjajah. Buktinya, Mak Jah benci akan kekejaman dan kezaliman yang pernah dilakukan oleh askar Jepun.
- Persoalan menghargai alam sekitar. Buktinya, Zaman dan Cempaka menghargai hutan asli yang masih menyimpan kepelbagaian spesies botani seperti bunga kenanga akar.
- Persoalan mempertahankan hak dengan kaedah yang betul. Buktinya, Zaman cuba mempertahankan Cempaka sebagai adik kandungnya walaupun mendapat tentangan daripada Prof. Peter.
- Persoalan perang yang memisahkan hubungan antara ahli keluarga. Buktinya, Prof. Peter terpisah hubungan dengan adik kandungnya, Cempaka akibat Perang Dunia Kedua.
- Persoalan mudah lupa diri akibat habuan wang ringgit. Buktinya, Malik berubah sikap menjadi sombong setelah menerima wang sogokan daripada Prof. Peter.

[3 markah]

* (Terima mana-mana persoalan + contoh yang sesuai)

Soalan 2 (c) : Petikan Prosa Klasik

(i) Maksud rangkai kata *tersangkutlah hatinya*.

- Jatuh cinta / terpikat / berkenan

[Maksimum : 2 markah]

(ii) Reaksi anak raja setelah terpandang Bibi Zainab

- Anak raja melemparkan senyuman
- Anak raja terus terpikat/jatuh hati/jatuh cinta akan Bibi Zainab
- Anak raja menuju ke rumah seorang perempuan tua
- Anak raja menitahkan perempuan tua menyampaikan hasratnya kepada Bibi Zainab.

[Maksimum : 3 markah]

1103/2(PP)

[Lihat halaman sebelah
SULIT

SULIT

6

1103/2(PP)

(iii)Tindakan anak raja itu menitahkan perempuan tua itu agar menyampaikan hajatnya untuk menemui Bibi Zainab

Wajar kerana

- Anak raja itu sudah terikat dengan Bibi Zainab.
- Anak raja tidak mengetahui status Bibi Zainab sebagai isteri orang
- Anak raja ingin mengenali Bibi Zainab dengan lebih dekat lagi
- Anak raja menggunakan khidmat seorang perempuan tua yang dianggap berpengalaman sebagai perantara/orang yang akan menyampaikan hajatnya.

Tidak wajar kerana

- Anak raja sepatutnya menyiasat dahulu status wanita yang dilihatnya.
- Perempuan tua itu baru saja ditemui oleh anak raja itu,tidak wajar diberi tugas besar menyampaikan hasrat hatinya.
- Anak raja sepatutnya menghantar wakil daripada keluarganya sendiri.
- Anak raja itu tidak sepatutnya memaksa perempuan tua itu melaksanakan arahnya walau dengan apa-apa cara sekalipun.

* (Terima alasan-alasan lain yang sesuai)

[Maksimum : 3 markah]

1103/2(PP)

[Lihat halaman sebelah
SULIT

SULIT

7

1103/2(PP)

Soalan 2 (d) Skema Jawapan:

- (i) Maksud rangkap keempat;
 - Penyajak menyeru remaja agar mengisi usia mereka dengan hala tuju / matlamat hidup yang betul / jelas / bermanfaat. [2 markah]

- (ii) Keburukan-keburukan;
 - Gagal / kecundang dalam peperiksaan.
 - Ketinggalan dalam pelajaran.
 - Pelajar tersebut terlibat dalam aktiviti kurang sihat / tidak bermoral.
 - Masa depan pelajar akan musnah.
 - Cita-cita / impian pelajar tidak kesampaian.
 - Harapan ibu bapa untuk melihat kejayaan anaknya musnah.
 [4 markah]
- * (Terima mana-mana isi/pendapat yang sesuai)

- (iii) Tiga nilai murni dalam sajak;
 - Nilai keberanian, iaitu remaja berani menempuh dugaan ketika menuntut ilmu.
 - Nilai kerajinan, iaitu remaja haruslah rajin menuntut ilmu.
 - Nilai kebijaksanaan, iaitu remaja diseru agar menentukan masa depan secara bermanfaat.
 - Nilai rasional, iaitu remaja diseru untuk membezakan baik dan buruk sesuatu perkara yang dilakukan.
 - Nilai menghargai, iaitu remaja disaran agar menghargai usia muda.
 - Nilai tanggungjawab, iaitu remaja bertanggungjawab menentukan hala tuju hidupnya dengan betul dan berfaedah.
 [3 markah]

1103/2(PP)

(Lihat halaman sebelah
 SULIT)

SULIT

8

1103/2(PP)

Soalan 3

Markah penuh 30 markah dibahagikan kepada:

Soalan 3(a) : 6 markah

Soalan 3(b) : 6 markah

Soalan 3(c) : 6 markah

Soalan 3(d) : 6 markah

Soalan 3(e) : 6 markah

Perhatian bagi Soalan 3(a)

1. Beri 1 markah bagi setiap ayat yang betul.
2. Tolak ½ markah bagi kesalahan ejaan / jalan bahasa / isi yang tidak begitu jelas bagi keseluruhan markah jawapan.
3. Perkataan berkenaan digunakan sebagai peribahasa, berikan 0 markah.
4. Perkataan digunakan sebagai nama khas, berikan 0 markah.
5. Jika memberi makna dan tepat maknanya, berikan markah penuh 1 markah
6. Ayat yang dibina seperti satu ayat tetapi sebenarnya lebih, tolak ½ markah bagi setiap ayat.
7. Jika semua perkataan digunakan dalam satu ayat, berikan pertimbangan sebagai satu ayat.
8. Boleh menggunakan struktur cakap ajuk dengan mematuhi tanda bacanya
9. Isi tidak jelas, tolak ½ markah.
10. Sengaja menambah imbuhan atau mengubah imbuhan (jika berkenaan), berikan 0 markah.

Jawapan 3 (a) :

- (i) prestasi kerja - : Hasil yang telah diperolehi/pencapaian yang diusahakan/dibuat.
Contoh ayat : Abdullah telah menunjukkan prestasi kerja yang baik semasa bekerja di sini.
- (ii) pahit manis - : Kesulitan atau kesenangan yang bermacam-macam dalam kehidupan
Contoh ayat : Dalam kehidupan manusia sentiasa diselubungi pahit manis dan pancaroba.
- (iii) saling membantu - : Sentiasa memberi pertolongan, menolong, menyokong.
Contoh ayat : Penduduk kampung Nyior sentiasa diminta saling membantu sesama sendiri.
- (iv) mencapai kecemerlangan- : Meraih kejayaan, kegemilangan, keelokan, keindahan.
Contoh ayat: SMK Gong Badak telah mencapai kecemerlangan dalam peperiksaan SPM.
- (v) pembangunan pesat - : Mencapai kemajuan yang cepat/ pantas, berkembang maju.
Contoh ayat : Bandar raya Kuala Terengganu telah mencapai pembangunan pesat.
- (vi) tekanan hidup- : Desakan/paksaan/kesusahan dalam kehidupan harian.
Contoh ayat : Oleh sebab tekanan hidup, gejala sosial semakin berleluasa dalam kalangan remaja.

[Maksimum : 6 markah]

[Lihat halaman sebelah
SULIT

1103/2(PP)

SULIT

8

1103/2(PP)

Soalan 3

Markah penuh 30 markah dibahagikan kepada:

Soalan 3(a) : 6 markah

Soalan 3(b) : 6 markah

Soalan 3(c) : 6 markah

Soalan 3(d) : 6 markah

Soalan 3(e) : 6 markah

Perhatian bagi Soalan 3(a)

1. Beri 1 markah bagi setiap ayat yang betul.
2. Tolak ½ markah bagi kesalahan ejaan / jalan bahasa / isi yang tidak begitu jelas bagi keseluruhan markah jawapan.
3. Perkataan berkenaan digunakan sebagai peribahasa, berikan 0 markah.
4. Perkataan digunakan sebagai nama khas, berikan 0 markah.
5. Jika memberi makna dan tepat maknanya, berikan markah penuh 1 markah
6. Ayat yang dibina seperti satu ayat tetapi sebenarnya lebih, tolak ½ markah bagi setiap ayat.
7. Jika semua perkataan digunakan dalam satu ayat, berikan pertimbangan sebagai satu ayat.
8. Boleh menggunakan struktur cakap ajuk dengan mematuhi tanda bacanya
9. Isi tidak jelas, tolak ½ markah.
10. Sengaja menambah imbuhan atau mengubah imbuhan (jika berkenaan), berikan 0 markah.

Jawapan 3 (a) :

- (i) prestasi kerja - : Hasil yang telah diperolehi/pencapaian yang diusahakan/dibuat.
Contoh ayat : Abdullah telah menunjukkan prestasi kerja yang baik semasa bekerja di sini.
- (ii) pahit manis - : Kesulitan atau kesenangan yang bermacam-macam dalam kehidupan
Contoh ayat : Dalam kehidupan manusia sentiasa diselubungi pahit manis dan pancaroba.
- (iii) saling membantu - : Sentiasa memberi pertolongan, menolong, menyokong.
Contoh ayat : Penduduk kampung Nyior sentiasa dininta saling membantu sesama sendiri.
- (iv) mencapai kecemerlangan- : Meraih kejayaan, kegemilangan, keelokan, keindahan.
Contoh ayat: SMK Gong Badak telah mencapai kecemerlangan dalam peperiksaan SPM.
- (v) pembangunan pesat - : Mencapai kemajuan yang cepat/ pantas, berkembang maju.
Contoh ayat : Bandar raya Kuala Terengganu telah mencapai pembangunan pesat.
- (vi) tekanan hidup- : Desakan/paksaan/kesusahan dalam kehidupan harian.
Contoh ayat : Oleh sebab tekanan hidup, gejala sosial semakin berleluasa dalam kalangan remaja.

[Maksimum : 6 markah]

[Lihat halaman sebelah

SULIT

1103/2(PP)

SULIT

9

1103/2(PP)

Jawapan 3 (b) :

1. Negara kita memang banyak sumber air yang boleh didapati daripada air hujan, sungai dan tasik.
2. Namun begitu, pengguna menghadapi masalah mendapatkan bekalan air minuman.
3. Antara puncanya ialah sistem pengurusan yang lemah dan pengagihan sumber air yang tidak cekap di samping masalah pembaziran air oleh pengguna di negara ini.

[Maksimum : 6 markah]

Jawapan 3 (c) :

Kesalahan ejaan

- | | | | |
|-------|--------------|---|-------------|
| (i) | sindiket | - | sindiket |
| (ii) | menjolak | - | mencolok |
| (iii) | silaturrahim | - | silaturahim |

Kesalahan Imbuhan

- | | | | |
|-------|------------|---|--------------|
| (i) | kefirukan | - | mengelirukan |
| (ii) | hadiri | - | menghadiri |
| (iii) | berkunjung | - | mengunjungi |

[Maksimum : 6 markah]

Jawapan 3 (d) :

- | | | | |
|-------|------------------------------|---|---------------------------------|
| (i) | upahan pada | - | ganjaran kepada |
| (ii) | lain-lain perkara sekolah | - | perkara-perkara lain pelajar |
| (iii) | setengah dalam | - | sesetengah serius |

[Maksimum : 6 markah]

1103/2(PP)

[Lihat halaman sebelah
SULIT]

SULIT

10

1103/2(PP)

Jawapan 3 (e) :

(i) Tangan kosong.

Maksudnya : Hampa

Contoh ayat : Ramli pulang dengan *tangan kosong* apabila ikan yang dipancingnya terlepas ke tasik.

(ii) Tulang belakang.

Maksudnya : Punca kekuatan/orang harapan

Contoh ayat : Aziz menjadi *tulang belakang* majikan menjaga kedai runcit sepanjang pemergian tuannya ke tanah suci.

(iii) Tinggi gunung tinggi lagi harapan kami.

Maksudnya : Hajat atau harapan yang begitu besar.

Contoh ayat : Azman menaruh keyakinan tinggi bahawa pinangannya akan diterima Salmah
Seperti peribahasa *tinggi gunung tinggi lagi harapan kami*.

[Maksimum : 6 markah]

1103/2(PP)

[Libat halaman sebelah
SULIT

SULIT

11

1103/2(PP)

Soalan 4
Markah penuh : 15 markah

Panduan pemarkahan bagi Soalan 4

- (a) (i) Jawapan berdasarkan satu daripada novel yang dipelajari.
 (ii) Jawapan hendaklah dalam ayat-ayat lengkap.
 (iii) Berikan 1 markah untuk pernyataan isi yang lengkap/jelas.
 (iv) Berikan 1 markah untuk huraian yang lengkap/jelas.
 (v) Markah isi maksimum 4 markah.
 (vi) Markah bahasa maksimum 3 markah.
 (vii) Jika calon menjawab dan markah isi 0, beri 1 markah untuk bahasa.
[Maksimum : 7 markah]

- (b) (i) Jawapan berdasarkan satu novel yang dipelajari.
 (ii) Jawapan hendaklah dalam ayat-ayat lengkap.
 (iii) Berikan 1 markah untuk 1 pernyataan latar masyarakat yang lengkap/jelas.
 (iv) Berikan 1 markah untuk huraian latar masyarakat yang lengkap/jelas.
 (v) Markah isi maksimum 6 markah.
 (vi) Markah bahasa maksimum 2 markah.
 (vii) Jika calon menjawab dan markah isi 0, beri 1 markah untuk bahasa.
[Maksimum : 8 markah]

Soalan 4(a) : Nilai kasih sayang**1. Kasih sayang seorang suami kepada isterinya.**

- ... Datuk Dohli menyayangi Datin Tominah. Walaupun penat dan sibuk, Datuk Dolhi tetap meluangkan masa menemani Datin Tominah menyaksikan pertunjukan Busana Islam di Hotel Merlin.
 ... Datuk Dolhi sayang akan isteri keduanya, Mastura dan tidak pernah melupai Mastura walaupun isteri keduanya itu telah meninggal dunia.

2. Kasih sayang ibu bapa kepada anak-anak.

- ... Datuk Dolhi sangat menyayangi anak-anaknya walaupun mereka menimbulkan masalah yang memalukan keluarga dan menjejaskan reputasi perniagaannya. Demi masa depan mereka, Datuk Dolhi memberi nasihat dan menjamin Hasnol serta Dani yang melakukan kesalahan.
 ... Meskipun sibuk, Datuk Dolhi menghadiri majlis anugerah pendidik terbaik yang dimenangi oleh Amera.
 ... Puan Eric pula sanggup melepaskan jawatan sebagai pensyarah untuk mendidik sendiri anak-anaknya.

3. Kasih sayang antara kakak dengan adik.

- ... Amera sayang akan adik-adiknya. Amera sering menasihati Ilham dan Dani yang masih tidak mempunyai kerjaya bagi menjamin masa depan mereka.

[Lihat halaman sebelah

SULIT

1103/2(PP)

4. Kasih sayang terhadap bangsa / negara.

- ... Datuk Dolhi gigih memberi motivasi kepada usahawan Melayu agar merebut peluang dalam perniagaan dan mampu bersaing.
- ... Datuk Dolhi menggunakan barangan buatan tempatan seperti kereta Limousin Saga dan baju batik Kelantan.
- ... Amera gigih mendidik anak bangsa agar mereka menjadi manusia yang seimbang dan cemerlang.

(Terima mana-mana nilai kasih sayang lain yang sesuai)

4(b) : Latar Masyarakat

Masyarakat yang tabah menghadapi cabaran

- ... Datuk Dolhi tetap tabah menghadapi pelbagai kerenah anak-anaknya yang menjatuhkan maruah keluarga dan perniagaannya, kehilangan Mastura dan kerenah Datin Tominah yang kuat cemburu.
- ... Wahi tabah menjalani kehidupan bersama neneknya tanpa ibu dan ayah di samping sejak kecil.
- ... Mastura tabah menjadi isteri kedua Datuk Dolhi walaupun dituduh sebagai perempuan simpanan.

Masyarakat yang cinta akan negara

- ... Datuk Dolhi mengutamakan barangan tempatan, contohnya Limousin Saga dan baju batik Kelantan meskipun beliau mampu membeli barangan berjenama dari luar negara.
- ... Amera mendidik anak bangsa menjadi insan cemerlang dan seimbang.

Masyarakat yang gigih berusaha untuk mencapai cita-cita

- ... Datuk Dolhi gigih bekerja dan menyusun strategi untuk memajukan Dolhi-Albert Holding.
- ... Wahi gigih memajukan diri mengikuti kursus di luar negeri sehingga dia diberi kepercayaan menerajui perniagaan Dolhi-Albert Holding bagi menggantikan Datuk Dolhi.
- ... Amera gigih menjalankan tanggungjawabnya sebagai guru sehingga dia terpilih sebagai Tokoh Guru Cemerlang Negeri.

Masyarakat yang sayang akan keluarga

- ... Datuk Dolhi dan Datin Tominah sayang akan anak-anak dan berusaha menyelamatkan Hasnol, Mukhlis, Ilham dan Dani yang terlibat dengan gejala negatif.
- ... Puan Eric sayang akan keluarganya sehingga sanggup melepaskan jawatan sebagai pensyarah untuk mendidik sendiri anak-anaknya demi menjamin masa depan mereka.

Masyarakat yang berani bertindak demi kebaikan.

- ... Datuk Dolhi berani membuat keputusan melantik Wahi sebagai penggantinya dalam Dolhi-Albert Holding meskipun tidak disenangi oleh Albert Lee.
- ... Amera berani menegur Ilham dan Dani yang tidak mahu bekerja dan hanya mundar-mandir.
- ... Wahi berani berjumpa ayah Yuka untuk melamar Yuka menjadi isterinya.

[Lihat halaman sebelah

SULIT

SULIT

13

1103/2(PP)

Masyarakat yang khianat kepada negara

- ... Tengku Munir ingin memperoleh semua tender kerajaan yang disertai oleh syarikatnya dengan memberikan rasuah kepada Hasnol.
- ... Hasnol, seorang pegawai kerajaan sanggup menerima rasuah daripada Tengku Munir untuk kepentingan diri sendiri.
- ... Ilham menjadi pengkhianat negara kerana memburuk-burukkan kerajaan Malaysia di luar negara berkaitan aktiviti pelestarian alam sekitar.

Masyarakat majmuk

- ... Keluarga Datuk Dolhi mewakili bangsa Melayu, Albert Lee mewakili bangsa Cina dan Yuka mewakili bangsa Jepun.

(Terima mana-mana latar masyarakat lain yang sesuai)

PERATURAN PEMARKAHAN TAMAT

1103/2(PP)

SULIT